



**MINIT MESYUARAT  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI PERTAMA  
TAHUN 2025  
PERSATUAN KOMUNITI DC2 (2024)**

Tarikh : 22 Februari 2025  
Masa : 8.30 pagi  
Tempat : Dewan KAFA, DC2

**KEHADIRAN**

- 1) Mhd Faizul bin Md Asar (Pengerusi)
- 2) Mohamad Ghazali Masuri (Timbalan Pengerusi)
- 3) Ahmad Muhajir bin Rosli (Setiausaha)
- 4) Saiful Batiar bin Mohd Razali (Penolong Setiausaha)
- 5) Roslan bin Mohamad (Ahli Jawatankuasa)

**TIDAK HADIR BERSEBAB**

- 1) Mohd Shahrizal b. Sapiran (Bendahari)
- 2) Abdul Muhaimin b. Mahmud (Ahli Jawatankuasa)
- 3) Zulazril bin Idris (Ahli Jawatankuasa)
- 4) Peter a/l Anthonysamy (Ahli Jawatankuasa)

**KANDUNGAN MINIT MESYUARAT**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.	<p><b>PENDAHULUAN</b></p> <p><b><u>Semakan Kuorum</u></b></p> <p>Setiausaha Jawatankuasa Penaja ("Setiausaha"), Ahmad Muhajir bin Rosli, memberikan penerangan mengenai keperluan kuorum mengikut Fasal 7 Perlembagaan Pertubuhan:</p> <p>"Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p>

	<p>yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Jawatankuasa, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi kuorum untuk mesyuarat."</p> <p>Jumlah Ahli Jawatankuasa Penaja adalah seramai 9 orang, bermakna keperluan kuorum adalah sekurang-kurangnya 18 orang (2 kali jumlah ahli jawatankuasa).</p> <p><b><u>Pengisytiharan Kuorum</u></b></p> <p>Berdasarkan kehadiran ahli seramai 49 orang, Setiausaha mengesahkan bahawa kuorum telah dipenuhi. Ahli-ahli berkuasa untuk menjalankan mesyuarat dan juga berkuasa untuk meminda perlembagaan pertubuhan.</p> <p>Pengerusi Jawatankuasa Penaja ("Pengerusi"), Mhd Faizul bin Md Asar, kemudiannya mengisytiharkan mesyuarat boleh diteruskan.</p> <p><b><u>Bacaan Doa</u></b></p> <p>Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama, Persatuan Komuniti DC2 (2024) ("Persatuan") dimulakan pada pukul 9.00 pagi dengan bacaan Al-Fatihah dan bacaan doa oleh Setiausaha, Ahmad Muhajir bin Rosli.</p>	
2.	<p><b>KATA ALU-ALUAN PENERUSI</b></p> <p>Pengerusi, Mhd Faizul bin Md Asar, menyampaikan kata alu-aluan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.</p> <p>Beliau mengucapkan penghargaan atas sokongan dan kehadiran ahli-ahli dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan kali pertama ini. Pengerusi mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan semua Ahli Jawatankuasa Penaja dan menjelaskan ada beberapa yang tidak dapat hadir.</p> <p>Seterusnya, Pengerusi turut menekankan kepentingan kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua ahli untuk memastikan kejayaan dan kelestarian Persatuan pada masa hadapan.</p>	Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.
3.	<p><b>LAPORAN TAHUNAN 2024</b></p> <p>Setiausaha, Ahmad Muhajir bin Rosli, membentangkan laporan tahunan yang merangkumi pencapaian dan cabaran utama Persatuan sepanjang tahun 2024. Berikut adalah ringkasan laporan:</p> <p><b><u>Penubuhan Persatuan</u></b></p> <p>Persatuan Komuniti DC2 (2024) ditubuhkan selepas pendaftaran Persatuan Penduduk Jalan DC2 (PEDUA) dibatalkan pada 28 Mei 2024. Penubuhan baru ini adalah hasil kerjasama ahli komuniti yang bangkit</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>AJK baru akan membincangkan cadangan program dan aktiviti akan datang.</p>

	<p>semula setelah menghadapi cabaran keselamatan dan gangguan monyet di kawasan perumahan.</p> <p><b><u>Inisiatif Keselamatan dan Infrastruktur</u></b> Pelbagai inisiatif dilaksanakan seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Projek Kawalan Keselamatan RELA pada Hari Raya Aidilfitri 2024.</li> <li>2. Baikpulih guard house termasuk pemasangan sistem RFID, lampu, CCTV, dan boomgate untuk meningkatkan keselamatan.</li> <li>3. Penambahbaikan infrastruktur seperti turapan jalan, pemasangan pagar anti-climbing, dan pencahayaan tambahan di kawasan strategik.</li> </ol> <p><b><u>Penggunaan Teknologi</u></b> Persatuan memanfaatkan aplikasi seperti Bookipi, Herepay dan Google Script untuk mempercepatkan urusan pembayaran, penyediaan resit dan rekod. AI dan IoT digunakan bagi memudahkan pengurusan pentadbiran dan kewangan dengan lebih efisien.</p> <p><b><u>Cadangan Program dan Aktiviti Akan Datang</u></b> Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang untuk memperkukuhkan hubungan komuniti seperti kempen 3R, aktiviti sukan, pertandingan, program tuisyen, dan hari keluarga.</p> <p><b>[Laporan penuh di Lampiran A]</b></p>	
<p>4.</p>	<p><b>PENERIMAAN PERMOHONAN DAN PENGESAHAN KEAHLIAN</b></p> <p>Setiausaha, Ahmad Muhajir bin Rosli, memaklumkan bahawa sehingga 31 Disember 2024, daripada 580 rumah yang terdapat di dalam DC2, sebanyak 509 permohonan keahlian telah diterima daripada penduduk. Manakala baki yang tidak memohon kebanyakannya adalah rumah tidak berpenghuni/kosong.</p> <p>Setiausaha mencadangkan supaya kesemua permohonan tersebut diterima dan disahkan dalam mesyuarat kali ini.</p> <p>Usul tersebut disokong oleh Ahli Biasa, Zahrul Azlan bin Absl Kamarul Adzhar.</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>Setiausaha akan mengemaskini tarikh Permohonan keahlian disahkan dan direkodkan dalam senarai rasmi.</p>
<p>5.</p>	<p><b>LAPORAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2024</b></p> <p>Penolong Setiausaha Jawatankuasa Penaja (“Penolong Setiausaha”), Saiful Batiar bin Mohd Razali, mewakili Bendahari Jawatankuasa Penaja, Mohd Shahrizal bin Sapiran, melaporkan bahawa status kewangan Persatuan adalah dalam keadaan baik.</p> <p>Laporan Kewangan bagi tahun 2024 telah dibekalkan kepada semua</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>Laporan kewangan disahkan dengan pindaan dan</p>

	<p>ahli untuk rujukan. Kutipan keseluruhan sehingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM155,651.50. Sejumlah RM104,185.35 telah dibelanjakan, dan baki dalam akaun semasa Persatuan pada 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM74,739.80.</p> <p>Penolong Setiausaha menjelaskan bahawa lebih baki sebanyak RM74,739.80 dalam akaun Persatuan adalah termasuk bayaran awal ahli untuk yuran bulanan tahun 2025 yang akan digunakan untuk perbelanjaan dan program Persatuan pada bulan-bulan berkenaan.</p> <p>Ahli Biasa, Moses Saverimuthu, mencadangkan agar laporan penyata kewangan tersebut disahkan.</p> <p>Usul tersebut disokong oleh Timbalan Pengerusi, Mohamad Ghazali Masuri, dengan pindaan.</p> <p><b>[Laporan penuh di Lampiran B]</b></p>	<p>direkodkan. Bendahari membetulkan laporan ini mengikut pindaan yang disarankan.</p>
<p>6.</p>	<p><b>PEMBUBARAN JAWATANKUASA PENAJA</b></p> <p>Pengerusi, Mhd Faizul bin Md Asar, memaklumkan bahawa Jawatankuasa Penaja Persatuan Komuniti DC2 (2024) telah mencapai keseluruhan objektif penubuhannya.</p> <p>Persatuan telah berjaya didaftarkan, pelbagai inisiatif dan penambahbaikan telah dilakukan dalam tempoh yang singkat, serta Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Pertama juga dapat diadakan mengikut perancangan.</p> <p>Pengerusi mengucapkan syabas dan ribuan terima kasih kepada barisan Ahli Jawatankuasa Penaja. Dengan ini, beliau secara rasminya membubarkan Jawatankuasa Penaja Persatuan Komuniti DC2 (2024).</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p>
<p>7.</p>	<p><b>PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA SESI 2025/2026</b></p> <p>Sesi pemilihan ini dikendalikan oleh Pengerusi sementara, Mhd Faizul bin Md Asar dan Mohamad Ghazali Masuri.</p> <p>Mhd Faizul bin Md Asar menjelaskan terdapat 11 jawatan kosong yang dipertandingkan dalam AGM kali ini untuk diselaraskan dengan kriteria yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengerusi</li> <li>2. Timbalan Pengerusi</li> <li>3. Setiausaha</li> <li>4. Penolong Setiausaha</li> <li>5. Bendahari</li> <li>6. 6 Ahli Jawatankuasa</li> </ol> <p>Pengerusi sementara, Mohamad Ghazali Masuri kemudian</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>AJK yang dilantik akan mengambil alih tugas masing-masing serta-merta setelah perantukan ini.</p> <p>Setiausaha akan memaklumkan Mesyuarat kali pertama yang akan dilakukan dalam</p>

<p>memperincikan cara pencalonan dan undian akan dilakukan.</p> <p><b>Pengerusi:</b>  Calon: Mhd Faizul bin Md Asar (2/3)  Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)</p> <p>Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.</p> <p><b>Undian:</b> Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.</p> <p><b>Keputusan:</b> Mhd Faizul bin Md Asar menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.</p> <p><b>Timbalan Pengerusi:</b>  Calon: Saiful Batiar bin Mohd Razali (2/5)  Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)</p> <p>Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.</p> <p><b>Undian:</b> Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.</p> <p><b>Keputusan:</b> Saiful Batiar bin Mohd Razali menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.</p> <p><b>Setiausaha:</b>  Calon: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)  Pencadang: Mhd Faizul bin Md Asar (2/3)</p> <p>Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.</p> <p><b>Undian:</b> Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.</p> <p><b>Keputusan:</b> Ahmad Muhajir bin Rosli menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.</p> <p><b>Penolong Setiausaha:</b>  Calon 1: Mohamad Ghazali Masuri (2/15)  Pencadang: Mhd Faizul bin Md Asar (2/3)</p> <p>Calon 2: Ahmad Farhan bin Hamid (2/13)  Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)</p> <p>Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk</p>	<p>tempoh terdekat.</p> <p>Setiausaha akan mendapatkan butiran peribadi setiap AJK untuk tujuan pendaftaran ke ROS.</p>
---	---

ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

Calon 1, Mohamad Ghazali Masuri menarik diri dari pencalonan atas alasan terikat dengan peraturan penjawat awam.

**Undian:** Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.

**Keputusan:** Ahmad Farhan bin Hamid menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.

**Bendahari:**

Calon: Fazarizul Hashidi bin Muhamad Fauzi (2/13)

Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)

Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

**Undian:** Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.

**Keputusan:** Fazarizul Hashidi bin Muhamad Fauzi menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.

**Senarai Calon Ahli Jawatankuasa Biasa**

Pengerusi sementara, Mohamad Ghazali Masuri menjelaskan bahawa pencalonan dan undian akan dibuat untuk memilih 6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa:

- 1) Roslan bin Mohamad (2/7)  
Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)
- 2) Zahrul Azlan bin Absl Kamarul Adzhar (2/9)  
Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)
- 3) Mohd Noor Edzuan bin Ramli (2/1)  
Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)
- 4) Khairulnizam (2/5)  
Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)
- 5) Wan Sopian (2/13)  
Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)
- 6) Hazniza binti Hamzah (2/7)  
Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)
- 7) Nor Hidayah binti Abdul Manan (2/5)

	<p>Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)</p> <p>Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.</p> <p>Calon 5, Wan Sopian menarik diri dari pencalonan atas sebab peribadi dan syar'ie. Mesyuarat menghormati keputusan dan penarikan diri Calon 5, Wan Sopian.</p> <p><b>Undian:</b> Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.</p> <p><b>Keputusan:</b> Semua calon menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.</p> <p>Pengerusi, Mhd Faizul bin Md Asar, mengucapkan tahniah kepada Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik dan menjemput semua ke pentas untuk agenda seterusnya.</p>	
8.	<p><b>PEMILIHAN JURUAUDIT / PEMERIKSA KIRA-KIRA</b></p> <p>Pengerusi menjelaskan dan memperincikan cara pencalonan dan undian akan dilakukan. Undian akan dibuat untuk memilih 2 orang Juruaudit / Pemeriksa Kira-kira untuk diselaraskan dengan kriteria yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan calon yang mendapat undian tertinggi akan terpilih.</p> <p>Calon 1: Nor Asmah binti Majid (2/11) Pencadang: Hazniza binti Hamzah (2/7)</p> <p>Calon 2: Mohd Ridzuan bin Ramli (2/1) Pencadang: Ahmad Muhajir bin Rosli (2/3)</p> <p>Tiada calon lain dikemukakan dan pencalonan dicadangkan untuk ditutup. Cadangan disokong sebulat suara oleh ahli mesyuarat.</p> <p><b>Undian:</b> Tiada undian dijalankan memandangkan jumlah calon adalah mencukupi dan sepadan dengan jumlah kekosongan jawatan yang dipertandingkan.</p> <p><b>Keputusan:</b> Semua calon menang tanpa bertanding dengan sokongan penuh.</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>Setiasusaha akan mendapatkan butiran peribadi Juruaudit / Pemeriksa Kira-kira yang terpilih untuk tujuan pendaftaran ke ROS.</p>
9.	<p><b>PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN</b></p> <p>Setiasusaha menjelaskan bahawa terdapat beberapa cadangan pindaan kepada perlembagaan Persatuan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat ini. Memandangkan perlembagaan yang digunakan semasa pendaftaran sebelum ini mengikut template yang disediakan oleh ROS,</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p>



## **PINDAAN 2**

### FASAL 3 MATLAMAT - TAMBAHAN

7. Mewujudkan dan memperkukuhkan kerjasama antara ahli komuniti bagi meningkatkan semangat kejiwaan dan perpaduan yang erat di kawasan perumahan dengan melaksanakan program-program kebajikan yang memberi manfaat kepada ahli-ahli, termasuk bantuan kecemasan dalam bentuk kewangan, barangan keperluan asas, dan perkhidmatan sokongan.

**Penerangan:** Memperluaskan fungsi dan peranan Persatuan dengan mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara ahli komuniti.

#### **Undian:**

Setuju - 48 undi

Tidak Setuju - 1 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan undian majoriti.

## **PINDAAN 3**

### FASAL 4 KEAHLIAN - PINDAAN

#### B. Ahli Bersekutu

Terbuka kepada guru dan kakitangan KAFA; ibu bapa dan penjaga murid KAFA; ibu bapa dan penjaga murid tadika; ibu bapa dan penjaga anak asuhan pengasuh; yang berada di dalam perumahan DC2. Mereka layak menggunakan kemudahan Persatuan sama seperti ahli biasa tetapi tidak layak untuk mengundi dan memegang jawatan.

**Penerangan:** Kategori keahlian baru iaitu Ahli Bersekutu yang terbuka kepada individu tertentu yang memenuhi kriteria ditetapkan.

#### **Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

## **PINDAAN 4**

### FASAL 6 SUMBER KEWANGAN - PINDAAN

#### 1. Yuran Ahli Biasa :-

1.1 Bayaran masuk :  
RM 10 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)

1.2 Bayaran Bulanan :  
RM 45 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Sahaja)

Setiausaha perlu sediakan borang pendaftaran baharu untuk Ahli Bersekutu.

Bendahari perlu sediakan payment form Herepay untuk tujuan pembayaran Ahli Bersekutu.

AJK perlu fikirkan cara terbaik untuk merekod butiran Ahli Bersekutu. Untuk ahli biasa mudah kerana ada alamat nombor rumah dan nombor jalan yang seragam. Bakal Ahli Bersekutu pula beralamat dari segenap tempat.

<p>2. Yuran Ahli Bersekutu:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>2.1 Bayaran masuk : RM 30 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sahaja)</li><li>2.2 Bayaran Bulanan : RM 5 (Ringgit Malaysia Lima Sahaja)</li></ul> <p><b>Penerangan:</b> Memperkenalkan perubahan struktur bayaran sesuai dengan penambahan kategori ahli yang baru, iaitu Ahli Bersekutu, dengan jumlah yuran seperti yang tertera</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 48 undi Tidak Setuju - 1 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan undian majoriti.</p> <p><b><u>PINDAAN 5</u></b></p> <p>FASAL 6 SUMBER KEWANGAN - PINDAAN</p> <p>1. Yuran Ahli Biasa :-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>1.1 Bayaran masuk : RM 10 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)</li><li>1.2 Bayaran Bulanan : RM 50 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lima Sahaja)</li></ul> <p><b>Penerangan:</b> Kenaikan yuran bulanan ahli biasa dari Rm45 kepada Rm50.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 18 undi Tidak Setuju - 19 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini DITOLAK dengan majoriti 1 undi. Yuran bulanan kekal pada kadar Rm45.</p> <p><b><u>PINDAAN 6</u></b></p> <p>FASAL 6 SUMBER KEWANGAN - PINDAAN</p> <p>a. Yuran bulanan hendaklah dijelaskan kepada bendahari terlebih dahulu dalam tempoh 10 hari dari awal tiap-tiap bulanan</p> <p><b>Penerangan:</b> Memanjangkan tempoh untuk menjelaskan yuran bulanan daripada 7 hari kepada <b>10 hari</b> dari awal bulan.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p>	<p>Makluman kepada group Rakan KDC2 perlu dilakukan oleh Setiausaha setelah segala perincian dan persediaan untuk menerima Ahli Bersekutu selesai.</p>
---	--

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 7**

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN - MANSUH

- b. Yuran seumur hidup ( perlu dijelaskan semasa permohonan ahli )  
RM Tidak Berkenaan

**Penerangan:** Klausa mengenai "Yuran Seumur Hidup" dimansuhkan kerana tiada berkenaan dengan Persatuan..

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 8**

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN - PINDAAN

- c. Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua ( 2 ) minggu akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya telah dijelaskan.

**Penerangan:** Mengetatkan peraturan berkaitan tunggakan yuran, di mana ahli yang mempunyai hutang yuran lebih daripada **dua minggu** akan menerima surat atau notis peringatan berbanding dua bulan sebelumnya.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 9**

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN - PINDAAN

- e. Jawatankuasa mempunyai kuasa menetapkan yuran masuk semula ahli yang telah dilucutkan keahliannya; serta denda bagi ahli untuk mendapatkan semula hak keistimewaannya yang telah disekat; disebabkan hutang.

**Penerangan:** Memperluaskan kuasa Persatuan bagi menangani isu ahli yang telah terlucut keahlian dan disekat keistimewaannya kepada membolehkan **penetapan denda**.

Setiausaha perlu memastikan notis peringatan tunggakan dihantar kepada ahli berkenaan tepat pada masanya.

AJK akan menetapkan kadar yuran masuk semula.

**Undian:**

Setuju - 48 undi

Tidak Setuju - 1 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan undian majoriti.

**PINDAAN 10**

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG - TAMBAHAN

10. Seorang ahli yang tidak dapat hadir boleh melantik wakil melalui surat kuasa bertulis yang disahkan oleh Setiausaha atau Jawatankuasa sebelum mesyuarat. Wakil tersebut mestilah ahli Persatuan yang sah atau ahli keluarga terdekat. Surat kuasa mesti menyertakan nama dan tandatangan pemberi kuasa, serta nama wakil.

**Penerangan:** Memperkenalkan surat kuasa wakil kepada yang tidak dapat hadir secara fizikal.

**Undian:**

Setuju - 43 undi

Tidak Setuju - 6 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan undian majoriti.

**PINDAAN 11**

FASAL 8 JAWATANKUASA - PINDAAN

1. Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih setiap 2 (dua) tahun di dalam Mesyuarat Agung Tahunan:

- Seorang Pengerusi
- Seorang Timbalan Pengerusi
- Seorang Setiausaha
- Seorang Penolong Setiausaha
- Seorang Bendahari
- 6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

**Penerangan:** Mencadangkan peralantikan Jawatankuasa baru daripada setiap tahun kepada setiap 2 tahun. Ahli Jawatankuasa Biasa juga ditambah kepada 6 orang daripada 4 orang.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 12**

Setiausaha menyediakan surat kuasa.

<p>FASAL 8 JAWATANKUASA - PINDAAN</p> <p>3. Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dipilih semula untuk sesi seterusnya.</p> <p><b>Penerangan:</b> Perlantikan semula dibolehkan dengan frasa yang lebih sesuai dengan tempoh perlantikan.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p>	<p>Pada AGM Kedua yang akan datang, Setiausaha tidak akan memasukkan pemilihan AJK baru di dalam agenda mesyuarat.</p>
<p><b><u>PINDAAN 13</u></b></p> <p>FASAL 8 JAWATANKUASA - PINDAAN</p> <p>7. Ahli Jawatankuasa yang gagal menghadiri mesyuarat Jawatankuasa sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa memberikan alasan bertulis yang memuaskan dalam tempoh 3 hari selepas setiap mesyuarat yang gagal dihadiri, akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.</p> <p><b>Penerangan:</b> Memperincikan prosedur bagi ahli Jawatankuasa yang gagal menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p>	<p>Setiausaha akan menghantar surat/notis tunjuk sebab kepada mana-mana AJK yang gagal hadir ke mesyuarat tanpa makluman.</p>
<p><b><u>PINDAAN 14</u></b></p> <p>FASAL 8 JAWATANKUASA - TAMBAHAN</p> <p>12. Jawatankuasa lama wajib memberi kerjasama dalam menguruskan penukaran penama dan penandatanganan cek akaun bank, maker dan authorizer sistem perbankan internet, serta pertukaran nama dan/atau kaedah pembayaran bil utiliti kepada Jawatankuasa baru.</p> <p><b>Penerangan:</b> Tanggungjawab formal untuk bekerjasama memastikan segala perubahan dilakukan dengan lebih tersusun bagi mengelakkan sebarang kesulitan kepada Jawatankuasa baru.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p>	<p>Pindaan ini akan dimasukkan oleh Setiausaha sebagai perkara yang perlu dilakukan dalam senarai serah tugas.</p>

<p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p> <p><b><u>PINDAAN 15</u></b></p> <p>FASAL 8 JAWATANKUASA - TAMBAHAN</p> <p>13. Jawatankuasa lama bertanggungjawab memberi panduan dan sokongan kepada Jawatankuasa baru bagi memastikan proses serah tugas dan peralihan tanggung jawab dilaksanakan dengan lancar, jelas, dan teratur.</p> <p><b>Penerangan:</b> Tanggungjawab memberi panduan dan sokongan kepada Jawatankuasa baru.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p> <p><b><u>PINDAAN 16</u></b></p> <p>FASAL 10 KEWANGAN - PINDAAN</p> <p>3. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun Pertubuhan hendaklah ditandatangani atau disahkan bersama oleh mana-mana 2 penama yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Timbalan Setiausaha atau Bendahari. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Pertubuhan semasa ketiadaan mana-mana penama tersebut.</p> <p><b>Penerangan:</b> Pindaan ini memberi fleksibiliti dalam pengurusan kewangan dengan menambah Timbalan Pengerusi dan Timbalan Setiausaha sebagai penandatanganan sah. Ia memudahkan pengeluaran dana apabila individu utama tidak hadir, memastikan kelancaran urusan kewangan harian sambil mengekalkan pengesahan dua individu yang dilantik.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p> <p><b><u>PINDAAN 17</u></b></p> <p>FASAL 10 KEWANGAN - PINDAAN</p> <p>4. Perbelanjaan yang lebih daripada RM 15000 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak</p>	<p>Pindaan ini akan dimasukkan oleh Setiausaha sebagai perkara yang perlu dilakukan dalam senarai serah tugas.</p> <p>Semua AJK Tertinggi yang terlibat perlu berurusan dengan pihak bank untuk menyelesaikan sebarang urusan penukaran penandatanganan serta maker &amp; checker.</p>
--	--

diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa, dan perbelanjaan yang lebih daripada RM 25000 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran mesyuarat agung tahunan dan/atau mesyuarat agung luar biasa terlebih dahulu. Perbelanjaan RM 15000 (Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu Sahaja) dan ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan bersama oleh 2 penama yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Timbalan Setiausaha atau Bendahari.

**Penerangan:** Pindaan ini menaikkan had kelulusan perbelanjaan: Jawatankuasa >RM15,000, AGM/EGM >RM25,000, dan AJK Tertinggi <RM15,000. Ini memudahkan kelulusan bagi projek pagar anti-climbing yang dijalankan secara berfasa tanpa memerlukan AGM/EGM, dengan kelulusan hanya diperlukan di peringkat Jawatankuasa atau AJK Tertinggi.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 18**

FASAL 10 KEWANGAN - TAMBAHAN

7. Ahli Persatuan yang memberi sumbangan signifikan bagi membantu menggerakkan perjalanan, aktiviti atau projek Persatuan boleh dikecualikan daripada yuran bulanan selama satu bulan. Pengecualian ini akan dinilai, dipersetujui dan diminitkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa. Pengecualian tersebut akan direkodkan sebagai pendapatan yang dikecualikan dalam laporan kewangan Persatuan.

**Penerangan:** Pindaan ini memberikan penghargaan kepada ahli yang menyumbang secara signifikan dalam perjalanan persatuan dengan tujuan untuk menggalakkan penglibatan aktif lebih ramai ahli dalam gerakerja Persatuan.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 19**

FASAL 11 JURUAUDIT - PINDAAN

1. Dua orang yang bukannya pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka yang memegang jawatan selama dua tahun boleh dilantik semula.

Senarai calon untuk pengecualian akan dicadangkan oleh mana-mana AJK dan akan dibincangkan di dalam mesyuarat AJK.

**Penerangan:** Menaikkan dari seorang kepada dua (2) orang.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 20**

FASAL 11 JURUAUDIT - PINDAAN

2. Juruaudit yang dilantik, salah seorang atau kedua-duanya, adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Pertubuhan bagi setiap tahun, serta membuat perakuan dan menandatangani penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luar Biasa. Salah seorang atau kedua-dua juruaudit boleh dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit penyata kewangan Pertubuhan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

**Penerangan:** Pindaan ini memberikan fleksibiliti dalam pelantikan dan tugas juruaudit bagi pertubuhan. Ia membenarkan salah seorang atau kedua-dua juruaudit yang dilantik untuk menjalankan tugas.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

**PINDAAN 21**

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN - TAMBAHAN

1a. Notis dan Surat Pekeliling

Juga termasuk pemberitahuan yang disampaikan dalam bentuk teks atau gambar secara digital, sama ada melalui hantaran peribadi atau kepada kumpulan (group) dalam platform komunikasi digital yang diiktiraf oleh Persatuan.

**Penerangan:** Memperluaskan tafsiran "Notis" dan "Surat Pekeliling" untuk merangkumi pemberitahuan secara digital.

**Undian:**

Setuju - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.

	<p><b><u>PINDAAN 22</u></b></p> <p>FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN - TAMBAHAN</p> <p>1b. AGM dan EGM Selain secara fizikal, Jawatankuasa juga mempunyai kuasa untuk memutuskan agar Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) atau Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) dijalankan sepenuhnya secara dalam talian (online) atau secara gabungan (hybrid), iaitu gabungan antara kehadiran fizikal dan kehadiran dalam talian, jika keadaan memerlukan atau difikirkan sesuai demi kelancaran mesyuarat serta penyertaan ahli.</p> <p><b>Penerangan:</b> Lebih fleksibiliti kepada ahli yang tidak dapat hadir secara fizikal dan memastikan lebih ramai ahli berpeluang menyertai mesyuarat.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 48 undi Tidak Setuju - 1 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan undian majoriti.</p> <p><b><u>PINDAAN 23</u></b></p> <p>FASAL 15 LARANGAN - DIPINDA</p> <p>4. "Faedah" seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahlinya. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang Persatuan daripada memberi sumbangan kecil atau menganjurkan kutipan derma yang akan diserahkan kepada waris mana-mana ahli yang telah meninggal dunia dan yang diketahui berada dalam kesempitan hidup.</p> <p><b>Penerangan:</b> Pindaan ini membolehkan Persatuan memberikan bantuan kebajikan kepada ahli dalam situasi tertentu, selaras dengan Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tanpa melanggar peruntukan undang-undang.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p>	
10.	<p><b>CADANGAN USUL-USUL</b></p> <p><b><u>USUL 1 :</u></b> <b><u>PROJEK "1 RUMAH, 1 PAGAR"</u></b></p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>Setiausaha akan</p>

	<p>Projek ini bertujuan mempercepat pemasangan pagar anti-climbing di perimeter perumahan DC2 untuk meningkatkan keselamatan komuniti, terutama di kawasan hotspot pencerobohan. Pelaksanaan segera penting untuk mengurangkan risiko jenayah dan mengelakkan kenaikan kos akibat inflasi.</p> <p>Kos keseluruhan dianggarkan melebihi RM200,000, dan setiap rumah akan dikenakan bayaran RM500, yang boleh dibayar dalam 5 ansuran sebanyak RM100 setiap kali, sepanjang tahun 2025-2026. Projek ini dijangka selesai sepenuhnya menjelang 2027, dengan sokongan penuh daripada semua rumah.</p> <p>Sekiranya Persatuan mendapat penjimatan dalam pelaksanaan projek ini, lebihan daripada kutipan projek ini akan digunakan untuk kegunaan Persatuan, khususnya bagi projek baik pulih dan naik taraf infrastruktur.</p> <p><b>Undian:</b> Setuju DENGAN PINDAAN - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Projek ini diterima baik oleh semua ahli mesyuarat. Namun, jumlah kutipan bagi setiap rumah akan ditentukan melalui undian yang akan dijalankan di dalam kumpulan WhatsApp Komuniti, dengan pilihan sama ada RM300 atau RM500, memandangkan ia melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada semua ahli, termasuk mereka yang tidak hadir ke AGM.</p> <p><b><u>USUL 2:</u></b> <b><u>PENGGANTIAN PAGAR PERIMETER DI JALAN DC 2/17</u></b></p> <p>Penduduk di Jalan DC 2/17 telah membina paling kurang 5 pagar kecil sepanjang pagar perimeter. Untuk info, pembinaan pagar perimeter berkenaan adalah hasil kutipan Persatuan lama sebelum ini. Persatuan mencadangkan menggantikan keseluruhan pagar perimeter tersebut dengan pagar anti-climbing dan menyediakan 2 unit Pintu Kecil yang seragam dan dilengkapi CCTV untuk keselamatan. Pagar Kecil ini akan dikunci, dengan akses melalui wakil lorong dan dibuka oleh pengawal keselamatan pada waktu tertentu.</p> <p>Tiada pampasan akan diberikan kepada penduduk yang membina pagar sendiri, kerana ia dibuat tanpa kebenaran rasmi. Projek ini dijangka bermula pada 2026.</p> <p><b>Undian:</b> Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan dipersetujui dengan ahli mesyuarat secara bersama.</p> <p><b>Keputusan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Ahli mesyuarat sebulat suara tidak bersetuju untuk membayar pampasan kepada pemilik-pemilik pagar kecil di Jalan DC 2/17.</li> <li>2) Majoriti ahli mesyuarat bersetuju untuk meluluskan hanya 1 unit</li> </ol>	<p>membuka poll di dalam group Whatsapp mengenai jumlah sumbangan, antara Rm300 atau Rm500.</p> <p>Setiausaha akan menyediakan tapak rekod bayaran di Google Sheets yang boleh diakses oleh semua.</p> <p>Bendahari akan menyediakan tapak payment Herepay bagi tujuan pembayaran projek ini.</p> <p>Bendahari akan menyimpan rekod semua perbelanjaan yang berkaitan dan memastikan semua data dikemaskini dalam rekod Google Sheets untuk memastikan semua ahli maklum dengan status terkini.</p> <p>AJK akan berurusan dengan PBT untuk mendapatkan kelulusan yang berkaitan.</p> <p>AJK cari rumah terdekat yang boleh kongsi wifi untuk disambungkan dengan CCTV.</p>
--	---	--

	<p>Pagar Kecil yang akan dipasang di pertengahan Jalan DC 2/17.</p> <p>3) Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju supaya pembinaan Pagar Kecil ini dilengkapi dengan CCTV, tangga dan laluan pejalan kaki yang lebih sesuai dan teratur.</p> <p><b>USUL 3:</b>  <b><u>PEMBENTUKAN JAWATANKUASA KECIL PROJEK RUMAH TRANSIT KUCING</u></b></p> <p>Projek Rumah Transit Kucing akan diuruskan oleh jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab memastikan kelancaran pengurusan tanpa melibatkan ahli jawatankuasa utama.</p> <p>Objektif utama jawatankuasa ini adalah untuk mengurus operasi harian rumah transit, menjaga keselamatan dan kebajikan kucing, memantau pematuhan peraturan, serta memastikan komunikasi berkesan dengan pemilik kucing dan komuniti.</p> <p>Jawatankuasa ini juga akan melaksanakan SOP, menilai penambahbaikan, mengurus kewangan, dan menyediakan laporan berkala untuk memastikan kejayaan projek dan keharmonian komuniti.</p> <p><b>Undian:</b>  Setuju - 4 undi  Tidak Setuju - 45 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Usul ini DITOLAK dengan undian majoriti.</p> <p><b>USUL 4:</b>  <b><u>MANDAT KHAS KEPADA AHLI BUKAN JAWATANKUASA UNTUK MENANDATANGANI CEK AKAUN PERSATUAN LAMA</u></b></p> <p>Akaun bank Persatuan lama masih mengandungi sejumlah wang yang perlu dipindahkan ke akaun Persatuan baru, tetapi penandatanganan terdahulu bimbang akan risiko undang-undang atau jika terdapat sebarang aduan penduduk jika mereka menandatangani cek ini.</p> <p>Usul ini mencadangkan agar ahli bukan Jawatankuasa semasa diberikan kebenaran khas untuk menandatangani cek dari akaun lama, di bawah pengawasan Jawatankuasa semasa, dengan dana hanya disalurkan ke akaun Persatuan baru, Persatuan Komuniti DC2 (2024). Semua transaksi mesti direkodkan secara terperinci.</p> <p><b>Undian:</b>  Setuju - 49 undi  Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Pindaan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p>	<p>Bendahari akan menghubungi penandatanganan AJK lama untuk menguruskan transaksi pindahan dari akaun lama ke akaun baru.</p>
11.	<b>CADANGAN HOUSE RULES</b>	Semua ahli mesyuarat

	<p><b><u>PENGENALAN</u></b></p> <p>Setiasusaha menjelaskan bahawa cadangan House Rules penting kerana ia menyediakan garis panduan rasmi untuk penduduk dan pihak pengurusan, membantu mengekalkan ketertiban, keselamatan, dan keharmonian komuniti. Sebelum ini, aduan sukar ditangani secara konsisten kerana ketiadaan peraturan yang jelas.</p> <p><b><u>RESOLUSI AWAL</u></b></p> <p>Secara dasarnya, ahli mesyuarat bersetuju bahawa peranan Persatuan adalah menggubal sebarang garis panduan dari masa ke semasa untuk mengekalkan keharmonian dan ketertiban dalam komuniti.</p> <p>Majoriti ahli mesyuarat tidak bersetuju jika Persatuan menjalankan kerja penguatkuasaan kerana bimbang akan membebankan masa, tenaga, dan sumber Persatuan yang terhad. Kebimbangan juga timbul bahawa langkah ini boleh merenggangkan hubungan antara Persatuan dan penduduk, yang seterusnya boleh menjejaskan kadar kutipan yuran bulanan.</p> <p>Selain itu, mesyuarat ini juga bersetuju dan berpegang kepada prinsip sebarang pendaftaran dan/atau penguatkuasaan yang bertindih dengan mana-mana agensi kerajaan atau pihak berkuasa tidak akan dilakukan oleh pihak Persatuan. Sebarang aduan yang timbul perlu diajukan terus kepada pihak berwajib.</p> <p><b><u>HOUSE RULES 1:</u></b> <b><u>PEMBAYARAN YURAN BULANAN DAN AKSES RFID</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ahli yang gagal menjelaskan yuran bulanan mereka selewat-lewatnya pada <b>10hb setiap bulan</b> akan tersenarai dalam senarai yuran tertunggak.</li> <li>2. <b>Peringatan mesra pembayaran</b> akan dihantar secara berkala oleh jawatankuasa.</li> <li>3. Sekiranya yuran bulanan <b>masih belum dijelaskan pada 24hb</b>, akses ke kemudahan yang dikawal oleh <b>sistem RFID</b> akan <b>DIPOTONG</b>.</li> <li>4. Yuran Penyambungan Semula Akses RFID: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kali pertama hingga ketiga - RM10</li> <li>● Kali keempat hingga keenam - RM30</li> <li>● Kali ketujuh dan seterusnya - RM50</li> </ul> </li> <li>5. Penyambungan semula akses RFID hanya akan dilakukan setelah yuran penyambungan semula, yuran bulanan tertunggak serta yuran bulanan semasa <b>dijelaskan sepenuhnya</b>.</li> </ol> <p><b>Undian:</b> Setuju - 49 undi Tidak Setuju - 0 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Cadangan ini diluluskan dengan sebulat suara.</p>	<p>mengambil maklum.</p> <p>Setiasusaha akan mengeluarkan 1 dokumen rasmi "House Rules" yang akan dikongsikan kepada semua ahli untuk rujukan bersama.</p> <p>Sebarang Laporan/Aduan perlu dilakukan sendiri oleh ahli kepada pihak berkenaan untuk sebarang tindakan.</p> <p>Setiasusaha akan memastikan semua notis peringatan, pemotongan dan penyambungan semula berjalan dengan lancar dan tepat pada masanya.</p>
--	---	---

**HOUSE RULES 2:**  
**PENAMATAN KEAHLIAN SELEPAS 3 BULAN TUNGGAKAN**

1. Ahli yang gagal menjelaskan yuran bulanan mereka selama 3 bulan berturut-turut dianggap sebagai telah ditamatkan keahliannya secara automatik.
2. Notis peringatan akan dihantar ke rumah berkenaan memaklumkan implikasi penamatan keahlian:-
  - Pelekat kereta dan motosikal perlu dipulangkan kepada Persatuan.
  - Perlu mendaftar sama seperti pelawat setiap kali memasuki kawasan perumahan.
3. Untuk pendaftaran semula keahlian, jumlah yuran masuk semula akan ditentukan oleh Jawatankuasa.
4. **Tunggakan yuran sebelum ini akan dihapuskan** bagi memberi peluang untuk memulakan semula keahlian dengan rekod yang baru dan bersih.

**Undian:**

Setuju DENGAN PINDAAN - 48 undi

Tidak Setuju - 1 undi

**Keputusan:** Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan diluluskan dengan undian majoriti.

**HOUSE RULES 3:**  
**KEBERSIHAN & PENGURUSAN SAMPAH**

1. Sampah Domestik mesti dibungkus rapi menggunakan plastik sampah yang sesuai dan diikat kemas sebelum dibuang ke dalam tong atau ruangan sampah rumah masing-masing.
2. Sampah pukal pula perlu diletak di hadapan rumah masing-masing pada hari kutipan.
3. Jadual Kutipan Sampah:
  - Sampah Domestik: Selasa, Khamis dan Sabtu
  - Pukal: Rabu
4. Kutipan akan dibuat pada hari seterusnya jika lori kutipan telah penuh pada hari yang ditetapkan.
5. Bagi sampah pukal seperti almari, sofa, atau perabot besar, ia perlu dilarikan terlebih dahulu. Batang, dahan, dan ranting pokok perlu dipotong kecil dan dimasukkan ke dalam guni sebelum diletakkan di luar.
6. Muatun aplikasi iClean Selangor untuk membolehkan anda membuat aduan dengan mudah kepada pihak berkuasa tempatan dan memantau status aduan.
7. Pembuangan sebarang bentuk sampah di tempat selain dari yang disebutkan diatas adalah dilarang. Sebarang aduan berkaitan boleh dipanjangkan terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**Undian:**

Setuju DENGAN PINDAAN - 49 undi

Setiausaha akan mendraf notis peringatan untuk diperincikan di dalam mesyuarat AJK.

Bendahari perlu menyediakan laporan mencatatkan penghapusan tunggakan yuran ini dan memastikan laporan ini dikemukakan kepada mesyuarat Jawatankuasa untuk rujukan dan rekod rasmi.

AJK perlu berhubung dengan KDEB mengenai masa kutipan sampah di DC2. Kutipan semasa waktu puncak murid pergi dan balik KAFA perlu dielakkan.

Laporan/Aduan perlu dilakukan sendiri oleh ahli kepada pihak berkenaan untuk sebarang tindakan.

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan diluluskan dengan sebulat suara.

**HOUSE RULES 4:**  
**HAIWAN PELIHARAAN & LIAR**

Usul ini secara dasarnya ditolak oleh majoriti ahli mesyuarat kerana bimbang ia akan menambah beban yang tidak perlu kepada pihak Persatuan.

Namun, ahli mesyuarat bersetuju meletak garis panduan bahawa:

1. Pemilik haiwan peliharaan perlu lebih bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan mereka.
2. Pemilik perlu menyediakan kawasan yang sesuai dan kondusif untuk haiwan peliharaan mereka bagi mengelakkan tekanan pada haiwan serta mencegah risiko kecederaan kepada orang lain.
3. Agensi yang perlu dihubungi untuk membuat aduan mengenai haiwan liar bergantung kepada jenis haiwan tersebut:
  - Haiwan Berbahaya (Buaya/Ular): Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) atau Bomba.
  - Anjing atau Kucing Liar: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
  - Gajah atau Harimau Liar: Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
  - Kera atau Monyet Liar: PERHILITAN, APM, atau PBT

**Undian:**

Setuju DENGAN PINDAAN - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan diluluskan dengan sebulat suara.

**HOUSE RULES 5:**  
**PENGUBAHSUAIAN RUMAH**

1. Kerja pembinaan atau pengubahsuaian yang menghasilkan bunyi bising dinasihatkan untuk dilakukan pada:
  - **Isnin hingga Jumaat:** 9 pagi - 6 petang
  - **Sabtu:** 9 pagi - 1 petang
  - Aktiviti bising di luar waktu tersebut dan/atau pada cuti umum perlu dielakkan.
2. Peralatan dan bahan binaan hanya boleh disimpan di kawasan rumah terlibat, tidak boleh mengganggu jiran atau menghalang laluan awam.
3. Sejurus kerja-kerja disiapkan, kontraktor mesti membersihkan sisa

Laporan/Aduan perlu dilakukan sendiri oleh ahli kepada pihak berkenaan untuk sebarang tindakan.

Laporan/Aduan perlu dilakukan sendiri oleh ahli kepada pihak berkenaan untuk sebarang tindakan.

- pembinaan di kawasan persekitaran, terutama memastikan longkang tidak tersumbat.
4. Sebarang aduan berkaitan boleh dipanjangkan terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**Undian:**

Setuju DENGAN PINDAAN - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan diluluskan dengan sebulat suara.

**HOUSE RULES 6:**

**PENGURUSAN KUCING DI KAWASAN PERUMAHAN**

Tujuan: Mengurus kucing berkeliaran dengan lebih baik, menjaga kebersihan, dan memastikan kebajikan haiwan.

**1. Penubuhan Rumah Transit Kucing:**

Sebuah rumah transit akan dibina untuk menempatkan kucing yang berkeliaran, bertag atau tidak. Kemudahan asas seperti makanan dan tempat perlindungan akan disediakan. Kucing agresif akan diasingkan.

**2. Pengurusan Kucing di Rumah Transit:**

- Kucing bertag yang ditangkap akan direkod dan pemilik diberi 10 hari untuk menuntut. Jika tidak, kucing terbuka untuk diadopt.
- Kucing tanpa tag terbuka untuk diadopt segera. Jika tidak diadopt dalam 2 minggu, akan diserahkan kepada pihak berkuasa.

**3. Pembiayaan Projek:**

- Kutipan dari pendaftaran kucing (RM10) dan tuntutan semula (RM50), serta bayaran adopsi (RM30).
- Dana tambahan dari sumbangan, kerjasama NGO, dan sukarelawan.
- Pakej penajaan diperkenalkan untuk menyokong kos penyelenggaraan rumah transit.

Usul ini bertujuan menjaga kebajikan kucing dan kesejahteraan komuniti dengan pengurusan kucing berkeliaran dengan lebih berkesan.

**Keputusan:** Cadangan **TERBATAL** kerana **USUL 3: PEMBENTUKAN JAWATANKUASA KECIL PROJEK RUMAH TRANSIT KUCING** yang berkaitan telah **DITOLAK** lebih awal oleh mesyuarat ini.

**HOUSE RULES 7:**

**ACARA KERAMAIAAN**

1. Sila maklumkan kepada pihak admin sekiranya acara yang dirancang melibatkan sebarang bentuk penutupan jalan. Sebagai

Setiausaha akan



Sekitar (JAS) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**Undian:**

Setuju DENGAN PINDAAN - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan diluluskan dengan sebulat suara.

**HOUSE RULES 9:**

**LARANGAN MELETAK SEBARANG HALANGAN**

1. **Laluan Kecemasan Pagar 2/11 dan 2/15:** Dilarang meletak sebarang halangan di laluan ini bagi memastikan akses kecemasan seperti ambulans dan bomba tidak terganggu.
2. **Lorong Belakang:** Sebarang kenderaan, ampaian, tanaman, atau objek dilarang untuk memastikan laluan terbuka bagi perkhidmatan pembersihan dan kecemasan, serta meningkatkan aspek keselamatan.
3. **Persimpangan Jalan:** Dilarang meletakkan kenderaan atau sebarang objek besar 9 meter dari persimpangan jalan untuk mengelakkan halangan pandangan dan risiko kemalangan.
4. **Pintu Masuk Kafa:** Halangan berhampiran kawasan ini dilarang bagi menjaga keselamatan kanak-kanak dan kelancaran trafik.
5. Sebarang aduan berkaitan boleh dibuat kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
6. Persatuan akan meletak notis peringatan untuk tindakan pemilik.

**Undian:**

Setuju DENGAN PINDAAN - 49 undi

Tidak Setuju - 0 undi

**Keputusan:** Cadangan ini telah dibincangkan, dipinda dan diluluskan dengan sebulat suara.

**HOUSE RULES 10:**

**DENDA DAN TINDAKAN BAGI PELANGGARAN**


1. Cadangan Denda dan Tindakan:
  - **Kesalahan Pertama:** Amaran bertulis.
  - **Kesalahan Kedua:** Denda RM50.
  - **Kesalahan Ketiga dan seterusnya:** Denda RM100 bagi setiap kesalahan berikutnya.
2. Pelanggaran Kos Tidak Tetap: Kos pembaikan atau pembersihan dibebankan kepada ahli berdasarkan invois.
3. **Rayuan:**
  - Rayuan Membatalkan Pertuduhan: Rekod dihapuskan.
  - Rayuan Mengurangkan Denda: Jumlah denda dikurangkan, tetapi rekod kesalahan kekal.
  - Rayuan mesti dikemukakan dalam tempoh **14 hari** dari tarikh notis denda dikeluarkan. Jika tiada, penduduk dianggap

Persatuan akan menyediakan kon dan papan tanda di kawasan berkenaan.

Laporan/Aduan perlu dilakukan sendiri oleh ahli kepada pihak berkenaan untuk sebarang tindakan.


	<p>bersejtu dengan denda atau tindakan yang dikenakan.</p> <p><b>4. Proses Penguatkuasaan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan bertulis → siasatan → notis rasmi kepada ahli.</li> <li>• Akses RFID dipotong jika denda tidak dibayar dalam 14 hari.</li> </ul> <p><b>Undian:</b> Setuju - 18 undi Tidak Setuju - 31 undi</p> <p><b>Keputusan:</b> Usul ini ditolak oleh majoriti ahli mesyuarat kerana bimbang ia akan menambah beban yang tidak perlu dan memberi kesan negatif kepada pihak Persatuan.</p>	
12.	<p><b>HAL-HAL BERBANGKIT</b></p> <p>1) Cadangan tag kepada pelawat</p> <p><b>Jawapan:</b> Jawatankuasa akan mempertimbangkan cadangan ini untuk diimplementasikan ke pondok pengawal di masa akan datang. Mekanismenya akan diperincikan dengan mengambilkira semua faktor.</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p> <p>Setiausaha akan masukkan usul ini ke mesyuarat AJK seterusnya.</p>
13.	<p><b>PENUTUP</b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang telah meluangkan masa untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).</p> <p>Pengerusi turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan dan ahli mesyuarat bersurai pada jam 1.45 tengahari.</p>	<p>Semua ahli mesyuarat mengambil maklum.</p>

Disediakan Oleh :



(AHMAD MUHAJIR BIN ROSLI)  
Setiausaha  
Persatuan Komuniti DC (2024)

Disahkan Oleh :



(MHD FAIZUL MD ASAR)  
Pengerusi  
Persatuan Komuniti DC (2024)

# LAMPIRAN A

# LAPORAN TAHUNAN TAHUN 2024 (Sehingga Mac 2025)

## Fasa Awal Penubuhan Persatuan: Menyemarakkan Kesatuan dan Pemulihan Komuniti

Fasa awal penubuhan persatuan ini melalui beberapa peristiwa penting, jatuh bangun yang menjadi asas kepada pembentukan komuniti yang lebih teratur dan terurus. Ia bermula pada **November 2023**, apabila khidmat pengawal keselamatan di bawah **Persatuan Penduduk Jalan DC2 (PEDUA)**, berakhir.

Pemulihan semula persatuan turut dipacu oleh pelbagai isu mendesak yang dihadapi penduduk. Salah satu cabaran utama yang mengganggu ketenteraman ialah **kes kecurian dan gangguan monyet** yang semakin meruncing. Sejak dari itu, timbul kesedaran bahawa langkah segera diperlukan untuk memastikan pengurusan komuniti berjalan dengan lebih teratur. Dari ini, usaha untuk mengumpulkan seramai penduduk di dalam group Komuniti dipergiatkan.

Sebagai langkah awal, projek **Kawalan Keselamatan RELA** dilaksanakan sempena Hari Raya Aidilfitri dari **8 hingga 14 April 2024** bagi menjamin keselamatan penduduk semasa perayaan. Sebelum itu, pada **5 April 2024**, **turapan baru di jalan masuk** telah dibuat hasil sumbangan ikhlas seorang ahli komuniti, memperbaiki laluan utama dan memberi imej baru kepada pintu masuk utama taman perumahan ini.

Selepas kejayaan perlaksanaan projek Kawalan Keselamatan RELA, satu **mesyuarat** penting diadakan pada **3 Mei 2024**, di mana langkah-langkah awal untuk membina semula persatuan diambil. Dalam suasana penuh harapan, ahli komuniti sepakat untuk memperbaiki pentadbiran dan keselamatan kawasan. Mesyuarat ini memperlihatkan kebersamaan yang erat, dengan setiap ahli bersatu dalam merancang masa depan yang lebih baik untuk semua.

Disangkakan panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengahari. Usaha untuk menghidupkan kembali PEDUA terbantut apabila **pendaftarannya dibatalkan pada 28 Mei 2024**, mematahkan harapan yang telah disulam bersama. Pembatalan ini menyebabkan kekosongan dalam struktur pentadbiran yang dirancang, seolah-olah segala usaha yang dibina dengan penuh kesungguhan lenyap sekelip mata, meninggalkan ahli komuniti dalam keadaan tidak menentu.

Meskipun dilanda kekecewaan, semangat ahli komuniti tidak pernah pudar. Seperti api yang membara, mereka bangkit dengan lebih kuat. Pada **20 Jun 2024**, ahli komuniti dengan penuh tekad menubuhkan satu persatuan baru, **Persatuan Komuniti DC2 (2024)**, membawa visi yang lebih jelas dan matlamat yang lebih kukuh. Persatuan ini bukan sahaja menjadi simbol pemulihan, tetapi juga tanda keazaman komuniti yang tidak pernah kenal erti menyerah.

Dengan perjalanan panjang yang penuh cabaran ini, ahli komuniti berjaya bukan sahaja membina semula struktur organisasi tetapi juga memperkukuhkan ikatan **kebersamaan dan tanggungjawab**. Setiap langkah yang diambil menjadi bukti kekuatan komuniti yang terus bersinar. Persatuan baru ini adalah **manifestasi kebangkitan, komitmen untuk mewujudkan masa depan yang lebih teratur, harmoni, dan sejahtera**.

Dengan harapan baru dan semangat yang tidak pernah pudar, **KITA BERSAMA** terus melangkah maju, membina masa depan yang lebih cerah untuk semua.

## **Fasa Pembaharuan: Inisiatif dan Usaha**

Penubuhan persatuan baru ini membuka jalan kepada fasa pembaharuan, di mana pelbagai inisiatif diambil bagi memperkukuhkan pentadbiran dan meningkatkan keselamatan kawasan. Proses pendaftaran keahlian, pengurusan pelekat, dan pemasangan sistem RFID bukan sahaja memperbaiki kecekapan pengurusan, tetapi juga mencerminkan komitmen persatuan baru ini untuk mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan tersusun bagi semua penduduk.

**Pendaftaran Ahli dan Edaran Pelekat:** Sebagai sebahagian daripada usaha mengukuhkan pentadbiran komuniti, **program pendaftaran keahlian** dijalankan dengan efisien untuk memastikan setiap ahli direkodkan secara rasmi. **Pelekat keahlian** turut diedarkan kepada semua penduduk bagi memastikan akses ke kawasan perumahan lebih teratur. Ini diikuti dengan pengenalan sistem RFID, **pelekat RFID** juga dipasang ke kereta ahli yang layak, memudahkan ahli memasuki kawasan perumahan dengan lebih lancar dan selamat.

**Baikpulih dan Penambahbaikan Guard House (GH):** Penambahbaikan **guard house** menjadi salah satu keutamaan bagi meningkatkan keselamatan dan imej kawasan komuniti. Projek baikpulih ini termasuk:

- **Baikpulih semula GH** dengan memasang **pintu baru** serta melakukan **earthing** untuk melindungi sistem elektrik daripada kerosakan akibat kilat.
- Pemasangan **spotlight (2 unit)** dan **photocell serta motion sensor** untuk meningkatkan penglihatan dan keselamatan di waktu malam.
- Baikpulih **lampu, soket dan kabel** yang rosak, dan **rewiring** serta penggantian **Distribution Board (DB)** untuk memastikan keselamatan dan kestabilan sistem elektrik.
- Pemasangan **fluted wall** pada **19 Julai 2024** untuk menambah nilai estetika guard house.
- **Mengecat guard house** pada **20 Julai 2024** serta **island** yang telah pecah, menjadikan keseluruhan kawasan pintu masuk nampak lebih rapi dan bersih.
- **Pemasangan boomgate** baru pada **17 Ogos 2024** di bawah seliaan persatuan di laluan pelawat.
- Penambahan **PVC safety poll** pada **laluan motosikal** pada **13 September 2024** untuk meningkatkan keselamatan dan memastikan laluan yang lebih teratur bagi pengguna motosikal.
- Bagi meningkatkan kawalan akses ke kawasan komuniti, **palang dan sistem RFID** dipasang pada **19 September 2024** bagi melancarkan lagi proses kemasukan ahli komuniti.
- Penambahan beberapa point untuk **CCTV** juga dapat memperluaskan liputan pengawasan di sekitar guard house.
- Projek **mengecat tanda jalan** di sekitar guard house dilakukan bagi memperbaharui petunjuk arah serta memastikan keselamatan pemanduan.

### **Penambahbaikan Infrastruktur Lain:**

- **Pemasangan CCTV dan lampu solar** di beberapa lokasi-lokasi strategik bagi meningkatkan pemantauan keselamatan kawasan untuk memastikan pencahayaan yang mencukupi, terutamanya di waktu malam.
- Pada **9 September 2024**, baikpulih **kabin** dijalankan untuk memastikan ia berada dalam keadaan baik dan bersedia untuk proses naiktaraf seterusnya.

- **Mengalihkan Tong Hijau Kitar Semula di Depan GH:** Bagi meningkatkan keteraturan dan kekemasan kawasan, tong hijau **kitar semula** di depan guard house dialihkan ke tempat lain, memberi laluan yang lebih kemas bagi+ pejalan kaki.
- Pemasangan **pagar anti-climbing** di pintu kecil Jalan DC 2/1 pada **22-26 November 2024** dan di **Palang 2/11** pada **14-15 Februari 2025**.

### **AI dan IoT: Pentadbiran dan Pengurusan Berteraskan Teknologi**

Seiring dengan perkembangan teknologi, persatuan ini mengorak langkah ke arah pengurusan yang lebih cekap dan berkesan dengan menggunakan aplikasi berasaskan **AI dan IoT**. Dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran, persatuan memanfaatkan pelbagai platform digital yang bukan sahaja memudahkan urusan, tetapi juga mempercepatkan proses pengeluaran resit dan rekod pembayaran ahli.

Pada peringkat awal, aplikasi **Bookipi** digunakan bagi mengeluarkan resit pembayaran secara online. Aplikasi ini membantu memperkemas pengurusan kewangan dengan menghasilkan **resit secara digital**, menjadikannya lebih mudah diakses dan dikongsi dengan ahli komuniti.

Namun, persatuan tidak berhenti di situ. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem, **platform Herepay** diperkenalkan sebagai penyelesaian pembayaran yang lebih menyeluruh. Melalui Herepay, semua **urusan pembayaran dapat dilakukan dengan lebih pantas, dan resit pembayaran dihasilkan serta-merta, dihantar terus ke emel pengguna secara automatik**. Ini bukan sahaja menjimatkan masa, tetapi juga mengurangkan risiko kesilapan manusia dalam pengeluaran resit.

Bagi memperhalusi lagi pengurusan rekod kewangan, penggunaan **platform Herepay digabungkan dengan Google Script**. Langkah ini mengautomatikan proses rekod pembayaran ke Google Sheet, membolehkan **semua transaksi direkodkan secara sistematik tanpa memerlukan input manual**. Integrasi ini mempercepatkan pengurusan kewangan dan memberikan gambaran yang lebih jelas serta telus kepada pentadbiran persatuan.

Dengan penggunaan teknologi berasaskan AI dan IoT, pentadbiran persatuan bukan sahaja lebih teratur, tetapi juga bergerak seiring dengan zaman digital, memastikan setiap urusan berjalan dengan lancar dan efisien.

## **Cadangan Program dan Aktiviti: Langkah Ke Arah Penglibatan Komuniti**

Setelah banyak perkara asas berjaya diselesaikan pada tahun sebelumnya, fokus tahun ini akan lebih tertumpu kepada melibatkan komuniti dalam pelbagai program yang mampu menyatukan serta memupuk semangat kekitaan di kalangan penduduk. Pelbagai aktiviti yang dirancang bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan interaksi sosial, tetapi juga memperkasa kemahiran dan kesedaran dalam kalangan ahli komuniti.

Antara program yang dicadangkan termasuklah:

1. **Kempen 3R (Reduce, Reuse, Recycle)**  
Satu kempen kesedaran yang bertujuan memupuk amalan kitar semula dan penjagaan alam sekitar di kalangan penduduk.
2. **Aktiviti Sukan Tahunan/Bulanan/Mingguan**  
Pelbagai aktiviti sukan akan dianjurkan secara berkala untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan meningkatkan hubungan antara penduduk.
3. **Pertandingan dan Tournament**  
Menganjurkan pelbagai pertandingan seperti bola sepak, badminton, futsal, dan lain-lain, bagi menghidupkan lagi semangat kesukanan.
4. **Program Tuition/Mengaji**  
Mengadakan sesi tuisyen dan mengaji untuk kanak-kanak serta remaja, sama ada di rumah atau di kabin baru yang telah disediakan.
5. **Family Day & Open House**  
Aktiviti ini bertujuan merapatkan hubungan antara penduduk melalui hari keluarga dan rumah terbuka pada acara-acara tertentu seperti Hari Raya, Deepavali, atau Tahun Baru Cina.
6. **Kelas/Kursus/Seminar/Bengkel Kemahiran**  
Menganjurkan pelbagai kelas atau bengkel untuk meningkatkan kemahiran penduduk, termasuk kursus pengurusan kewangan, kemahiran memasak, menjahit, dan sebagainya.
7. **Lawatan**  
Mengadakan lawatan ke tempat-tempat menarik atau bersejarah, bagi tujuan pembelajaran dan mengeratkan lagi ikatan komuniti.

Selain itu, sistem pengurusan persatuan juga akan terus diperkemas dari masa ke semasa. Melalui pemantapan proses pentadbiran, penggunaan teknologi dan input ahli, persatuan akan memastikan setiap urusan berjalan lebih lancar dan teratur. Ini akan memastikan semua pihak mendapat manfaat dan komuniti terus berkembang dengan baik.

## **Penutup**

Sebagai sebuah komuniti yang sentiasa bergerak ke hadapan, Persatuan Komuniti DC2 (2024) komited untuk terus memperkukuhkan hubungan sesama penduduk, memastikan keselamatan yang berterusan, dan mempertingkatkan kualiti hidup di kawasan ini. Setiap usaha yang dilakukan, dari penambahbaikan infrastruktur hingga kepada pelbagai program kemasyarakatan, mencerminkan semangat kebersamaan dan tekad untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni dan sejahtera. Dengan sokongan penuh daripada setiap ahli, kita bersama melangkah dengan keyakinan, menuju masa depan yang lebih cerah dan bermakna buat semua.

Disediakan oleh,

**AHMAD MUHAJIR BIN ROSLI**

Setiausaha Penaja,

Persatuan Komuniti DC2 (2024)

Disahkan oleh,



**MHD FAIZUL BIN MG ASAR**

Pengerusi Penaja,

Persatuan Komuniti DC2 (2024)

# LAMPIRAN B



## LAPORAN TAHUNAN KEWANGAN 2024

### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI PERTAMA TAHUN 2025

#### 1. PENDAHULUAN

Laporan kewangan ini disediakan untuk mengimbas prestasi kewangan Persatuan Komuniti DC2 bagi **tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024**.

Laporan ini disediakan menggunakan **kaedah akruan (accrual accounting)**, di mana pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf pada masa ia diperolehi atau ditanggung, tanpa mengira tarikh pembayaran sebenar. Kaedah ini memberikan gambaran yang lebih tepat tentang kewangan persatuan, kerana ia merekodkan pendapatan yang dijana dan perbelanjaan yang berlaku dalam tempoh kewangan yang dinyatakan, walaupun wang tersebut belum diterima atau dibayar sepenuhnya.

Laporan ini mengandungi penyata kewangan, hasil, perbelanjaan, serta maklumat lain yang relevan dengan kedudukan kewangan persatuan pada tahun kewangan berkenaan.

#### 2. PENYATA KEWANGAN

##### 2.1 Penyata Penerimaan dan Pembayaran

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
<b>PENERIMAAN</b>		
1	Yuran Pendaftaran Keahlian	5,090
2	Yuran Bulanan	113,175

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ogos 2024 (RM 22,770)</li> <li>● September 2024 (RM 22,770)</li> <li>● Oktober 2024 (RM 22,725)</li> <li>● November 2024 (RM 22,545)</li> <li>● Disember 2024 (RM 22,365)</li> </ul>	
3	Sumbangan <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ogos 2024 (RM 795)</li> <li>● September 2024 (RM 85)</li> <li>● Oktober 2024 (RM 449)</li> <li>● November 2024 (RM 525)</li> <li>● Disember 2024 (RM 2,122.50)</li> </ul>	3,976.50
4	Jualan Pelekat Ahli <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kereta (RM 3,130)</li> <li>● Motorsikal (RM 850)</li> </ul>	3,980
5	Jualan Pelekat RFID	19,400
6	Jualan Pelekat Pelawat	10,030
7	<b>Jumlah Penerimaan</b>	<b>155,651.50</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
8	Kawalan Keselamatan & Rondaan - RM8.30/jam + SST 8% (2 Pengawal x 2 Shift x 5 bulan) <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ogos (RM 13,123.30)</li> <li>● September (RM 13,123.30)</li> <li>● Oktober (RM 13,123.30)</li> <li>● November (RM 13,123.30)</li> <li>● Disember (RM 13,123.30)</li> </ul>	65,616.50
9	Pemasangan Palang Masuk Pelawat	1,600
10	Pemasangan Palang & Pelekat RFID (50% Deposit)	7,625
11	Sewa Palang RFID (RM 450 x 2 unit x 3 bulan) <ul style="list-style-type: none"> <li>● Oktober (RM 900.00)</li> <li>● November (RM 900.00)</li> </ul>	2,700

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Disember (RM 900.00)</li> </ul>	
12	<p>Ansuran Baki Pemasangan Palang &amp; Pelekat RFID</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Oktober (RM 1,625)</li> <li>● November (RM 1,200)</li> <li>● Disember (RM 1,200)</li> </ul>	4,025
13	<p>Kos Pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pendaftaran ROS (RM 98)</li> <li>● Token (RM 500 x 5 bulan) (RM 2,500)</li> <li>● Pencetakan (RM 46.20)</li> <li>● Cop Pengerusi &amp; Persatuan (RM 85)</li> <li>● Alat Tulis (RM 74.00)</li> <li>● Peralatan Pejabat (RM 103.29)</li> <li>● Pengangkutan (RM 135.30)</li> <li>● Pelekat Ahli &amp; Pelawat (RM 4,822.45)</li> </ul>	7,864.24
14	<p>Bil Utiliti</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● TNB <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Julai (RM 41.10)</li> <li>○ Ogos (RM 65.20)</li> <li>○ September (RM 107.55)</li> <li>○ Oktober (RM 167.25)</li> <li>○ November (RM 186.50)</li> <li>○ Disember (RM 180.30)</li> </ul> </li> <li>● Air Selangor <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Jun (RM 35.95)</li> <li>○ Julai (RM 36)</li> <li>○ Ogos (RM 36)</li> <li>○ September (RM 36)</li> <li>○ Oktober (RM 36)</li> <li>○ November (RM 36)</li> <li>○ Disember (RM 36)</li> </ul> </li> <li>● U Mobile (Admin) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ September 2024 (RM 30)</li> </ul> </li> <li>● Yes 5G (Internet Guard House) <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Disember 2024 (RM 55.08)</li> </ul> </li> </ul>	1,084.93

15	Peralatan <ul style="list-style-type: none"> <li>● Palang Teleskopik (RM 490)</li> <li>● Wifi Router (RM 687.19)</li> <li>● 6pcs Outdoor CCTV C410 (RM 1793.78)</li> <li>● 1pc Indoor CCTV C200C (RM 84.19)</li> <li>● Solar Lighting (RM 220.10)</li> <li>● Kebun (RM 265)</li> <li>● Keselamatan (RM 633.89)</li> </ul>	4,174.15
16	Aktiviti dan Program <ul style="list-style-type: none"> <li>● Gotong-royong - Servis Tong RORO <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Mei 2024 (RM 560)</li> <li>○ November 2024 (RM 300)</li> </ul> </li> </ul>	860
17	Baikpulih dan Naik Taraf Infrastruktur <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pagar Anti-climbing Jalan DC 2/1 (RM 4,989.00)</li> <li>● Guard House (RM 2,946.53)</li> <li>● Kabin &amp; Pondok Bas (RM 400.00)</li> <li>● Lain-lain (RM 700.00)</li> </ul>	8,035.53
18	Sumbangan Sukan Tahunan - PIBG SK Desa Aman	200
19	Ganti Rugi (RM200 x 2 kereta)	400
<b>20</b>	<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>104,185.35</b>

## 2.2 Penyata Kewangan Seimbang (Baki Semasa)

Bil.	Butiran	Jumlah (RM)
1	Simpanan Bank	74,739.80
2	Hutang & Liabiliti <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ansuran Baki Pemasangan Palang &amp; Pelekat RFID <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Januari 2025 (RM 1,200)</li> <li>○ Februari 2025 (RM 1,200)</li> <li>○ Mac 2025 (RM 1,200)</li> </ul> </li> </ul>	3600

3	Pendapatan Terima Hadapan (PTH) <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2/1 (RM 900)</li> <li>• 2/3 (RM 2,160)</li> <li>• 2/5 (RM 2,520)</li> <li>• 2/7 (RM 2,385)</li> <li>• 2/9 (RM 2,340)</li> <li>• 2/11 (RM 2,925)</li> <li>• 2/13 (RM 3,285)</li> <li>• 2/15 (RM 2,385)</li> <li>• 2/17 (RM 1,665)</li> </ul>	20,565
4	<b>Baki Bersih (Simpanan - Hutang - PTH)</b>	<b>50,574.80</b>

### 3. SUMBER PENDAPATAN

- **Yuran Keahlian:** Yuran bulanan/tahunan yang dibayar oleh ahli persatuan.
- **Sumbangan:** Sumbangan daripada individu yang menyokong aktiviti persatuan.
- **Pendapatan Daripada Jualan:** Pendapatan yang dijana melalui penjualan pelekat ahli, pelawat dan RFID
- **Pendapatan Terima Hadapan (PTH):** Pendapatan yang diterima lebih awal untuk yuran bulanan bulan akan datang.

### 4. PERBELANJAAN

- **Kawalan Keselamatan:** Kos bagi perkhidmatan kawalan keselamatan 24 jam dengan 4 pengawal keselamatan.
- **Sewa Palang RFID:** Bayaran bagi penyewaan palang RFID.
- **Aktiviti dan Program:** Kos penganjuran aktiviti komuniti seperti gotong-royong.
- **Kos Pentadbiran:** Termasuk bil utiliti, token, tuntutan perjalanan, pencetakan, alat tulis dan kos lain yang berkaitan dengan pengurusan persatuan.
- **Peralatan:** Kos bagi pembelian peralatan yang digunakan harian persatuan, kegunaan program dan acara komuniti.
- **Pembaikan dan Naiktaraf:** Pembiayaan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur..
- **Sumbangan:** Sumbangan yang diberikan kepada sekolah atau ahli komuniti yang memerlukan bantuan.

- **Ganti Rugi:** Kos membaiki kerosakan kereta yang terkena palang rosak sebelum palang baru dipasang.

## 5. PENUTUP

Laporan kewangan ini menunjukkan bahawa Persatuan Komuniti DC2 (2024) berada dalam keadaan kewangan yang kukuh dan stabil pada penghujung tahun kewangan 2024. Baki bersih semasa mampu menampung perbelanjaan bagi perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan Palang RFID untuk tempoh tiga bulan akan datang. Laporan ini disediakan untuk rujukan serta tindakan lanjut pihak pengurusan persatuan dan ahli-ahli yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

**MOHD SHAHRIZAL BIN SAPIRAN**

Bendahari Penaja,

Persatuan Komuniti DC2 (2024)

Disahkan oleh,




**MHD FAIZUL BIN MG ASAR**

Pengerusi Penaja,


Persatuan Komuniti DC2 (2024)

# GRAF DAN CARTA


## 1) Jumlah Kutipan Yuran Bulanan




## 2) Jumlah Bilangan Pembayar




### 3) Pembahagian Kos Pentadbiran




### 4) Bil Elektrik



### 5) Perbelanjaan Kos Peralatan



### 6) Perbelanjaan Bulanan



## 7) Baikpulih dan Naik Taraf Infrastruktur

